

04/11/2002

Pas, Keadilan tolak pelawaan PM

KUALA LUMPUR, Ahad - Pas, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) menolak pelawaan Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya mereka menyertai BN, walaupun untuk menghadapi ancaman musuh luar dan bergabung tenaga membangunkan negara.

Pemimpin pembangkang menganggap pelawaan itu tidak serius dan mendakwa ia usaha melemahkan parti pembangkang.

Di KOTA BHARU, Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang mengarahkan pemimpin Pas tidak membincangkan jemputan terbuka itu.

"Bagi saya kalau masuk BN tak perlu dibincang dan saya marah kalau ada di antara kawan-kawan (pemimpin Pas dan parti pembangkang) yang nak bincang perkara macam ini," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Nik Aziz mengulas kenyataan Perdana Menteri semalam yang membuat jemputan terbuka kepada parti pembangkang supaya menyertai BN bagi sama-sama membangunkan negara selain bersatu menghadapi musuh luar.

Dr Mahathir berkata, BN sentiasa mengamalkan dasar terbuka dan sanggup berkongsi kuasa sekiranya pembangkang sedia menyertai gabungan secara ikhlas.

Beliau berkata, kerjasama yang dijalinkan antara, DAP dan Pas menerusi pakatan pembangkang tidak mempunyai masa depan untuk menubuhkan kerajaan sendiri kerana hubungan sesama mereka sangat lemah dan semakin retak.

Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan, berkata Pas enggan menyertai Umno yang menerajui BN kerana parti itu dianggap tidak telus selain gagal membantu orang Melayu dan agama Islam.

"Pas sendiri masuk BN dalam tahun 1970'an dan kami ditendang dengan cara yang begitu memalukan. Saya masih terasa pahit-pahit tindakan yang dibuat oleh Umno (waktu itu)," katanya.

Di KUALA TERENGGANU, Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, mendakwa pelawaan BN itu sebagai usaha menghapuskan pembangkang dan melemahkan demokrasi.

Beliau juga menyifatkan pelawaan itu menunjukkan BN gagal untuk mengukuhkan negara bagi menghadapi ancaman musuh dari luar dan membangunkan negara.

"BN sendiri gagal menyatukan parti komponen dan masalah dalaman MCA belum selesai. Bagaimana hendak bersatu dengan parti pembangkang lain.

"Bagi Pas, perpaduan ialah dengan Islam. Sebab itu kita mencadangkan supaya diadakan muzakarah," katanya ketika ditemui selepas majlis penyampaian lesen menduduki sementara Rancangan Tanah Berkelompok Kampung Paya di Kuala Terengganu, hari ini.

Di MELAKA, Setiausaha Agung PRM, Dr Sanusi Osman, berkata PRM langsung tidak memandang serius pelawaan itu dan tidak akan bergabung dengan BN kerana kedua-duanya mempunyai agenda berlainan.

"Kita bersedia bekerjasama dengan BN dalam pelbagai perkara tetapi kita rasa tawaran yang dibuat itu sebagai satu lawak, kerana pada masa yang sama dia (Dr Mahathir) juga mengatakan bahawa parti pembangkang ini tidak bagus.

"Selain itu, kita berpendapat tidak ada ancaman musuh luar seperti yang didakwa," katanya ketika ditemui pada majlis pelancaran kempen membantah penggunaan Bahasa Inggeris untuk mengajar Matematik dan Sains di sini, hari ini.

Di KUALA LUMPUR, Setiausaha Agung Keadilan, Sahri Bahari, berkata pelawaan itu tidak dapat diterima kerana kerana perjuangan Keadilan dan BN

jauh berbeza.

"Kami sebuah parti berbilang bangsa yang memperjuangkan reformasi dalam semua hal berbanding BN yang berbentuk parti perkauman.